

Penggunaan untuk umat Islam diiktiraf dunia



Persatuan NGO Gombak mengadakan demonstrasi mengenai penggunaan kalimah Allah.

Saya hairan kenapa isu kalimah Allah muncul sekarang sedangkan ia hak eksklusif umat Islam. Isu ini bermula pada 31 Disember 2007, apabila pengarang akhbar *Herald-The Catholic Weekly*, Paderi Lawrence Andrew menyatakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) memperbaharui permit penerbitan akhbar itu tanpa larangan menggunakan kalimah 'Allah'. Bagaimanapun, kerajaan menegaskan bahawa larangan penggunaan kalimah 'Allah' masih kekal.

Larangan kekal

Pada 3 Januari 2008, Kabinet mengekalkan larangan bagi semua agama kecuali Islam daripada menggunakan kalimah 'Allah' dalam penerbitan akhbar masing-masing. Sebe-

lum ini Kabinet telah memutuskan keputusan yang sama dalam mesyuarat pada 18 Oktober dan 1 November 2006.

Pada 19 Mac 2008, Gereja Katolik memohon di Mahkamah Tinggi untuk melakukan semakan kehakiman terhadap larangan penggunaan kalimah Allah.

Pada 5 Mei 2008, Mahkamah Tinggi (Bahagian Rayuan dan Kuasa-Kuasa Khas) membuat keputusan membenarkan permohonan Gereja Katolik untuk membuat semakan kehakiman (undang-undang) terhadap larangan menggunakan kalimah 'Allah' dalam penerbitan mingguan *Herald-The Catholic Weekly*.

Saya menyeru kepada semua pihak untuk membuka mata dan ambil serius perkara ini. Kalimah Allah adalah kata nama khas berasal daripada bahasa Arab. Kalimah ini ti-

dak boleh digunakan dalam bentuk atau makna-makna lain.

Dari segi struktur linguistik, kalimah Allah lebih superior daripada apa jua perkataan.

“
Saya menyeru kepada semua pihak untuk membuka mata dan ambil serius perkara ini. Kalimah Allah adalah kata nama khas berasal daripada bahasa Arab. Kalimah ini tidak boleh digunakan dalam bentuk atau makna-makna lain”

Pada peringkat antarabangsa pula, penggunaan kalimah Allah dari segi istilah adalah amat sinonim dengan agama dan umat Islam. Ia diiktiraf oleh kamus serta ensiklopedia terkemuka di dunia.

Terkandung dalam al-Quran

Dalam konteks Malaysia kalimah Allah tidak diterjemahkan kepada bahasa Melayu, malah ia dikekalkan tanpa terjemahan. Oleh itu, kalimah Allah merujuk terus kepada makna yang terkandung dalam al-Quran.

Tindakan pihak tertentu menterjemahkan perkataan 'god' kepada 'Allah' juga tidak menepati istilah diguna pakai masyarakat di negara ini.

**Muhammad Fadzli
Mahyuddin
USIM**